

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 OGOS 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI transformasi sistem penyampaian untuk galak penyertaan dalam bidang STI	BERNAMA
2.	Surat lantikan	Utusan Malaysia
3.	Wilfres Madius angkat sumpah jawatan di Istana Negara hari ini	BERNAMA
4.	Dua angkat sumpah jawatan di Istana Negara	Berita Harian
5.	Minister, deputy take oath of office	New Straits Times
6.	Madius sworn in as minister	The Sun
7.	Nogeh appointed federal deputy minister	The Star
8.	42 sekolah di Parlimen Tangga Batu terima tajaan Tutor	Utusan Malaysia
9.	Angin kencang dijangka berterusan sehingga Ahad	BERNAMA
10.	Gempa bumi sederhana landa Pantai Barat Sumatera Utara	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 OGOS 2015 (RABU)



MOSTI Transformasi Sistem Penyampaian Untuk Galak Penyertaan Dalam Bidang STI

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** akan mentransformasi sistem penyampaian di kementerian itu bagi menggalakkan penyertaan rakyat dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Menterinya yang baharu Datuk Wilfred Madius Tangau berkata ia bertujuan memastikan peringkat akar umbi terlibat secara langsung dalam penghasilan produk inovasi baharu yang boleh dikomersilkan.

"Sekarang ini kalau ilmu Sains, Teknologi dan Inovasi semuanya dijana oleh penyelidik seperti di institusi pengajian tinggi atau institusi penyelidikan," katanya kepada Bernama selepas mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara di sini, Selasa.

Beliau berkata penglibatan rakyat sangat penting dalam usaha membangunkan bidang STI pada masa hadapan yang sejahtera dengan teras Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) iaitu pertumbuhan ekonomi berpaksikan rakyat.

"Dengan mandat yang diberikan kepada saya, saya akan memberi perhatian khusus kepada cadangan projek-projek di bawah RMK11 dengan membuat anjakan daripada projek-projek berciri 'business as usual' kepada 'game changer' yang bakal melonjakkan daya saing dan prestasi STI negara ini," katanya.

Mengulas lanjut, Madius berkata STI bukan sahaja terhad kepada bidang ilmu pengetahuan malah ia juga boleh menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara menerusi pengkomersialan produk inovasi terbaru.

Sehubungan itu, beliau berharap semua pihak akan terus berusaha bersamanya untuk mencapai matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) iaitu menjadi sebuah negara yang maju dalam bidang sains menjelang 2020.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI): MUKA SURAT 2
TARIKH : 5 OGOS 2015 (RABU)**



SURAT LANTIKAN

YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menyampaikan Surat Cara Pelantikan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, Nogeh Gumbek (atas) dan kepada Menteri Persekutuan, Datuk Wilfred Madius Tangau (kiri) dalam Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di Istana Negara, semalam.
- BERNAMA



Wilfred Madius Angkat Sumpah Jawatan Di Istana Negara Hari Ini

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Wilfred Madius Tangau hari ini mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara di sini.

Istiadat itu berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil di Istana Negara pada 12 tengah hari.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan beberapa menteri kabinet lain.

Nogeh anak Gumbek juga mengangkat sumpah jawatan sebagai timbalan menteri. Nogeh berkata beliau menjangka akan dimaklumkan mengenai portfolionya esok.

Madius dan Nogeh turut menandatangani surat angkat sumpah dan surat simpan rahsia yang disaksikan Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Bercakap kepada Bernama selepas istiadat itu, Madius mengucapkan terima kasih atas keyakinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak terhadapnya.


Beliau berjanji akan memberi sokongan padu kepada kepimpinan Najib dan melaksanakan agenda kerajaan.

Nogeh juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada perdana menteri kerana melantiknya sebagai seorang timbalan menteri.

"Saya akan sedaya upaya melakukan yang terbaik di mana-mana sahaja kementerian yang akan ditempatkan saya nanti," katanya.

-- BERNAMA

Dua angkat sumpah jawatan di Istana Negara



Tuanku Abdul Halim menyampaikan Surat Cara Pelantikan kepada Madius (gambar kiri) dan Nogeh di Istana Negara, semalam.
[FOTO BERNAMA]

Kuala Lumpur: Datuk Wilfred Madius Tangau semalam, mengangkat sumpah jawatan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara, di sini.

Istiadat berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil di Istana Ne-

gar pada jam 12 tengah hari.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan beberapa menteri Kabinet.

Nogeh Gumbek juga mengangkat sumpah jawatan sebagai timbalan menteri.

Nogeh berkata, beliau menjang-

ka dimaklumkan mengenai portfolionya esok.

Disaksi Ketua Hakim Negara
Madius dan Nogeh turut mendatangani surat angkat sumpah dan surat simpan rahsia yang disaksikan Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria dan Ketua Se-

tiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Sementara itu, Madius mengucapkan terima kasih atas keyakinan Datuk Seri Najib Razak terhadapnya.

Beliau berjanji akan memberi sokongan padu kepada kepemimpinan Perdana Menteri dan me-

laksanakan agenda kerajaan.

Nogeh juga mengucapkan terima kasih kepada Najib kerana melantiknya sebagai seorang timbalan menteri.

"Saya akan melakukan yang terbaik di mana sahaja kementerian tempatkan saya," katanya.
BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS): MUKA SURAT 4
TARIKH : 5 OGOS 2015 (RABU)**

Minister, deputy take oath of office

KUALA LUMPUR: Datuk Wilfred Madius Tangau yesterday took his oath of office as science, technology and innovation minister before Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah at Istana Negara.

The swearing-in took place at the Small Throne room of the palace at noon.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi and other ministers were present.

Nogeh Gumbek also took his oath of office as a deputy minister.

Nogeh said he was expected to be informed of his portfolio tomorrow.

Madius and Nogeh signed the instrument of oath and secrecy before Chief Justice Tun Arifin Zakaria and Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa. **Bernama**

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 05 OGOS 2015 (RABU)

Nogeh appointed federal deputy minister

KUCHING: Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP) secretary-general Anthony Nogeh has been appointed a federal deputy minister. Nogeh, who is Mas Gading MP, took his oath of office together with newly appointed Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau at Istana Negara in Kuala Lumpur yesterday.

He was sworn in without a portfolio and expects to be informed of it today.

"I am very grateful to Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak for his trust in me and

also my party," said Nogeh.

He said he would do his best to serve the people of Malaysia while giving attention to how he could assist Sarawak.

SPDP had been left out in last week's Cabinet reshuffle.

SPDP president Datuk Seri Tiong King Sing said Nogeh's appointment showed that Najib understood the aspirations of all Barisan Nasional component parties.

"All the Barisan parties are now represented in the Federal Cabinet," he added.

**KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 05 OGOS 2015 (RABU)**

Madius sworn in as minister

KUALA LUMPUR: Datuk Wilfred Madius Tangau yesterday took his oath of office as science, technology and innovation minister before Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah at Istana Negara here yesterday.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi and several other Cabinet ministers were also present.

Nogeh anak Gumbek also took his oath of office as a deputy minister, reports Bernama.

Madius and Nogeh signed the instrument of oath and secrecy before Chief Justice Tun Arifin Zakaria and Chief Secretary to the Government Tan Sri Ali Hamsa.

42 sekolah di Parlimen Tangga Batu terima tajaan Tutor

MELAKA 4 Ogos - Sebanyak 42 buah sekolah rendah dan menengah dalam Parlimen Tangga Batu menerima tajaan akhbar pendidikan *Utusan Malaysia*, *Tutor* bernilai RM5,000 daripada Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, penajaan itu melibatkan sebanyak 10,000 naskhah *Tutor* untuk diserahkan kepada 32 buah sekolah rendah dan 10 sekolah menengah di Parlimen tersebut.

Menurutnya, akhbar pendidikan itu membolehkan calon-calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengulang kaji setiap sibusis mata pelajaran.

"*Tutor* mempunyai pelbagai latihan dan fakta mata pelajaran yang diyakini mampu membantu para pelajar melakukan ulang kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan.

"Kaedah pembelajaran menggunakan *Tutor* ini juga dilihat berupaya dalam menarik minat pelajar, sekali gus membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam akademik," katanya selepas menyampaikan cek tajaan akhbar *Tutor* sebanyak RM5,000 kepada Eksekutif Jualan *Utusan Malaysia* Cawangan Melaka,



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (kanan) menyampaikan cek tajaan akhbar sisipan pendidikan *Tutor* sebanyak RM5,000 kepada Abdul Kadir Hussin di Ayer Keroh, Melaka, semalam.

Abdul Kadir Hussin di Ayer Keroh, di sini semalam.

Abu Bakar berkata, penajaan itu juga bagi membantu kecemerlangan pendidikan di Parlimen Tangga Batu dan memastikan kejayaan para pelajar terutamanya dalam peperiksaan awam.

"Saya percaya akhbar pendidikan ini mampu membantu para

pelajar mendapatkan maklumat serta teknik menjawab soalan peperiksaan, selain menjadi bahan bacaan pada masa lapang.

"Ini sekali gus memberi ruang kepada pelajar terutamanya mereka yang berada di luar bandar bersaing dan sama-sama mencapai kejayaan dengan memanfaatkan bantuan itu sepenuhnya," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 OGOS 2015 (RABU)



Angin Kencang Dijangka Berterusan Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Angin kencang barat daya yang berlaku di perairan Wilayah Persekutuan Labuan serta di Pantai Barat Sabah dan Kudat dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata angin kencang itu dijangka melanda dengan kelajuan antara 40 dan 50 kilometer sejam serta ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Situasi yang sama juga dijangka berlaku di perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Labuan dan Sulu.

Menurut kenyataan itu lagi, keadaan tersebut berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 5 OGOS 2015 (RABU)



Gempa Bumi Sederhana Landa Pantai Barat Sumatera Utara

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.0 pada skala Richter melanda Sumatera Utara, Indonesia pada pukul 3.55 pagi tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata gempa bumi itu berpusat di 139 kilometer barat daya dari Banda Aceh dan 613km barat daya dari Langkawi, Kedah.

Gempa bumi itu tidak menyebabkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA